



PELAN ANTIRASUAH


**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG,
JABATAN PERDANA MENTERI**

2021-2025



KANDUNGAN

Pengenalan	5
Isu dan Cabaran	10
Memperkasa Usaha Pencegahan Rasuah	13
Tadbir Urus OACP BHEUU, JPM	34
Kesimpulan	37



AMANAT KEPIMPINAN

YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang)

Saya menzahirkan kesyukuran kepada Tuhan dan sekalung tahniah kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) kerana berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi sendiri. Pelan ini kelak menjadi rujukan penting kepada BHEUU, JPM untuk menangani permasalahan berkaitan isu rasuah dan integriti di organisasi ini.

Pembangunan pelan ini diharapkan mampu menjadi benteng awal mencegah sebarang risiko perlakuan rasuah dan permasalahan integriti di BHEUU, JPM. Melalui setiap bidang keutamaan, strategi dan objektif strategik yang digariskan dalam pelan ini, BHEUU, JPM diharapkan sentiasa berada di hadapan untuk menjadi agensi contoh yang menjunjung ketinggian nilai pekerti integriti.

Selaras dengan agenda transformasi yang giat dilaksanakan, kerajaan amat mementingkan ketinggian budaya integriti, penerapan nilai amanah dan pengukuhan prinsip keadilan. Sehubungan itu, keupayaan melaksanakan pelan ini secara teliti mengikut perancangan ditetapkan akan menjadi tunjang utama kepada kejayaan menyemarakkan nilai murni dalam setiap warga di BHEUU, JPM.

Semoga segala usaha yang dicurahkan ini membuahkan hasil berguna untuk manfaat rakyat dan negara.



PERNYATAAN KOMITMEN

PENGURUSAN TERTINGGI

Pelan Antirasuah BHEUU, JPM 2021-2025 merupakan cerminan komitmen Bahagian ini dalam mendukung aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara berintegriti tinggi dan bebas rasuah.

Pelan ini dibangunkan selaras dengan penggubalan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Secara keseluruhannya, Pelan ini berjaya direalisasikan melalui perkongsian pandangan dan idea bernas dalam kalangan warga BHEUU, JPM dengan kerjasama kukuh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pembangunan pelan ini adalah berpaksikan kepada keupayaan mengenal pasti isu, cabaran dan risiko rasuah di setiap Seksyen dan Unit. Seterusnya, empat bidang keutamaan dan strategi disusun bagi memastikan pelan ini dapat menyediakan landasan terbaik dalam mengukuhkan tahap integriti serta mekanisme pembanterasan rasuah, khususnya di BHEUU, JPM.

Sehubungan itu, saya bersama-sama warga kerja BHEUU, JPM bertekad secara bersungguh-sungguh untuk membudayakan amalan integriti dan nilai-nilai murni dalam setiap tindakan dan usaha penyampaian perkhidmatan melalui pematuhan tinggi terhadap undang-undang dan peraturan yang sedia ada.

Mudah-mudahan dengan usaha baik ini, setiap inisiatif yang dilaksanakan untuk kepentingan rakyat dapat disampaikan dengan segera secara menyeluruh bagi memastikan maruah dan martabat perkhidmatan awam di negara yang dicintai ini sentiasa terpelihara.

YBHG. DATUK HAJI MOHD RABIN BIN BASIR

Ketua Pengarah


Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang

Jabatan Perdana Menteri





PENGENALAN **BHEUU, JPM**



LATAR BELAKANG

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) telah ditubuhkan pada 8 Mei 1995 selepas pembubaran Kementerian Undang-Undang Malaysia. Pada waktu itu, kluster Bahagian ini adalah terdiri daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), Biro Bantuan Guaman, Jabatan Pemegang Harta, dan Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka. Walau bagaimanapun, mulai 1 Ogos 1995, Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka telah diperbadankan dan dikenali sebagai Amanah Raya Berhad. Susulan itu, keseluruhan pentadbiran agensi berkenaan telah dikeluarkan daripada BHEUU melainkan perkara-perkara berkaitan pewartaan para pegawai Amanah Raya Berhad bagi tujuan kehadiran di mahkamah.

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan juga berpisah dari pentadbiran BHEUU pada 1 Julai 1996. Namun begitu, Unit Perancangan dan Pembangunan Mahkamah di PKPMP telah menjadi salah satu cawangan utama di BHEUU bermula dari 16 April 2003.

Jabatan Pemegang Harta kemudiannya telah bertukar nama kepada Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) pada 1 Oktober 2003, berikutan dengan pindaan Akta Kebankrapan 1967. Mulai Oktober tahun 2009, Jabatan Insolvensi Malaysia telah dikenali secara rasminya sebagai Malaysia Department of Insolvency (MDI).

Sementara itu, mulai 16 Januari 2010, Biro Bantuan Guaman telah diubah nama dikenali sebagai Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Sebahagian daripada proses reformasi yang telah diperkenalkan oleh Jabatan ini ialah menghapuskan salah faham masyarakat terhadap Biro Bantuan Guaman yang selalu dirujuk sebagai Biro Pengaduan Awam. Pertukaran nama ini perlu bagi mencerminkan perkembangan dan perluasan fungsi JBG di seluruh Malaysia.

BHEUU merupakan sekretariat kepada Mesyuarat Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk kes-kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, serta untuk kes-kes keselamatan di seluruh negara. Bermula pada tahun 2006, BHEUU juga menjadi agensi yang memantau dan menyelaras urus setia Mesyuarat Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri.

Berdasarkan kepada keputusan Jemaah Menteri pada 8 April 2004, BHEUU telah mengambil alih peranan sebagai sekretariat kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) daripada Kementerian Luar Negeri. BHEUU bertanggungjawab untuk membantu YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) dalam urusan pelantikan ahli-ahli suruhanjaya dan mengemukakan laporan maklum balas kementerian terhadap laporan tahunan SUHAKAM.

VISI

Peneraju kepada kecekapan dan keberkesanan pentadbiran sistem perundangan negara

MISI


Memperkasa sistem perundangan negara demi kesejahteraan rakyat melalui penyediaan prasarana dan dasar yang mampan dan efektif

OBJEKTIF

- Merancang, melaksana dan memantau projek pembangunan BHEUU, JBG, Mdl dan mahkamah mengikut piawaian yang ditetapkan
- Menkuatkuasakan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952
- Mengoptimumkan keberkesanan dan kecekapan penggunaan sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di BHEUU, JBG, Mdl dan mahkamah
- Memperkasa ketelusan tadbir urus kewangan dan ICT
- Memperkasa sumber manusia dan kecekapan pengurusan khidmat korporat
- Membangunkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia yang lengkap dan komprehensif
- Menyelaras proses pengampunan bagi kes-kes rayuan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, Putrajaya dan memantau status kes-kes pengampunan di negeri-negeri
- Menyelaras dan memantau penguatkuasaan akta-akta yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU
- Mengurusetiaikan pelantikan anggota Jawatankuasa Pemilihan dan anggota SUHAKAM serta menyelaras penyediaan buku Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM
- Mengurusetiaikan pelantikan penasihat mahkamah bagi kanak-kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611)
- Mengurusetiaikan pelantikan Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC)

FUNGSI

- Urus Setia Lembaga Pengampunan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.
- Memantau kedudukan perkara pengampunan di tiap-tiap Negeri
- Perancangan dan pembangunan projek mahkamah, JBG dan Mdl
- Pentadbiran Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] termasuk perkara berkaitan dengan pendaftaran dan pemantauan perbadanan-perbadanan pemegang amanah
- '*Focal Agency*' bagi pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP)
- Pelantikan anggota, Pelantikan Jawatankuasa Pemilihan dan Penyelarasan Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM
- Pelantikan penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]
- Pelantikan Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC)
- Penyelarasan Penguatkuasaan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [Akta 676]
- Penyelarasan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]
- Penyelarasan Pelaksanaan Akta Pengantaraan 2012 [Akta 749]



ISU DAN CABARAN

ISU


Rasuah boleh berlaku dalam pelbagai bidang dan sektor tanpa mengira status atau kedudukan individu yang memberi atau menerima rasuah. Berdasarkan kepada analisis data dan kajian yang telah dilakukan, BHEUU, JPM telah mengenal pasti punca-punca rasuah seperti berikut:

- Tahap kesedaran pematuhan undang-undang dan prosedur dalam kalangan warga Jabatan
- Kesukaran mengesan perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam kalangan warga Jabatan
- Kelemahan dalam membuat keputusan berasaskan maklumat yang tepat dan betul
- Kelewatan atau kelemahan dalam melaksanakan tugas dan tindakan yang menyebabkan penyampaian perkhidmatan menjadi tidak cekap
- Risiko kelemahan penguatkuasaan
- Risiko penyalahgunaan kuasa ketika menjalankan tugas
- Risiko kebocoran maklumat terperingkat
- Wujud ruang dan peluang untuk rasuah dan pelanggaran integriti semasa menjalankan tugas
- Risiko campur tangan pihak berkepentingan dalam proses membuat keputusan

PENILAIAN RISIKO DAN BIDANG KEUTAMAAN

BHEUU, JPM dengan kerjasama SPRM telah mengadakan Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah dari 10 hingga 12 September 2019 dan Bengkel Pembangunan OACP dari 16 hingga 19 Mac 2020 bagi mengenal pasti risiko yang berkeupayaan menjejaskan operasi dan imej organisasi. Bengkel ini telah disertai oleh semua Seksyen dan Unit di BHEUU, JPM. Melalui sesi libat urus ini pelbagai data berkaitan telah diteliti termasuk rekod aduan, kes-kes pelanggaran tata tertib, Laporan Audit Dalam, Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) dan kajian kepuasan pelanggan.

Berdasarkan kepada penilaian yang dilaksanakan, terdapat 18 risiko kasar dikenal pasti pada tahap signifikan dan sederhana melibatkan Seksyen Dasar dan Penyelidikan, Seksyen Pembangunan, Seksyen Pengurusan Maklumat, Seksyen Kewangan, Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dan Unit Komunikasi Korporat. Berasaskan kepada analisis risiko ini, didapati tahap kecenderungan perlakuan rasuah di BHEUU, JPM adalah tipis dan jarang berlaku. Ringkasan tahap risiko adalah seperti berikut:




Berasaskan kepada analisis yang dilaksanakan, BHEUU, JPM telah menetapkan empat bidang keutamaan yang berisiko iaitu Pentadbiran, Perolehan Awam, Pemerbadanan Pemegang Amanah dan Tadbir Urus Berintegriti Tinggi.





MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH



13 MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

KEPERLUAN KERANGKA PELAN ANTIRASUAH

BHEUU, JPM memahami keperluan untuk melaksanakan langkah-langkah proaktif untuk menangani permasalahan rasuah dan integriti di Bahagian ini. Walaupun risiko perlakuan rasuah rendah di BHEUU, JPM, namun ia bukanlah sebab untuk Bahagian ini berpuas hati dan tidak mengambil apa-apa langkah penting. Sebarang kelalaian dalam menangani permasalahan rasuah dan integriti ini akan mengundang bencana besar kepada organisasi termasuk menjejaskan imej serta keupayaan memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Sehubungan itu, BHEUU, JPM percaya bahawa amalan rasuah dan kepincangan integriti dapat ditangani lebih awal jika organisasi ini mempunyai pelan khusus antirasuah.

Sehubungan itu, bagi memastikan pelan antirasuah yang dibangunkan ini dapat berperanan secara jelas, BHEUU, JPM telah menetapkan kerangka utama seperti berikut:

VISI

Melahirkan warga BHEUU, JPM yang berintegriti tinggi

MISI

Mengukuhkan kecekapan tadbir urus BHEUU, JPM dalam penyampaian perkhidmatan

STRATEGI

- Memperkukuh kecekapan perkhidmatan awam
- Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam
- Mempertingkatkan kecekapan dalam urusan pemerbadanan pemegang amanah
- Memupuk tadbir urus terbaik dan berintegriti tinggi

OBJEKTIF

- Meningkatkan keupayaan sistem penyampaian perkhidmatan BHEUU, JPM
- Menyingkirkan potensi rasuah dalam operasi organisasi
- Menjadikan amalan integriti sebagai amalan utama di BHEUU, JPM

BIDANG KEUTAMAAN: PENTADBIRAN

STRATEGI 1 **Memperkukuh Kecekapan Perkhidmatan Awam**

Objektif Strategik 1.1

Merekayasa Perkhidmatan ke Arah Tadbir Urus Baik

Objektif Strategik 1.2

Menggalakkan Merit dan Integriti dalam Proses Pengambilan,
Pemilihan dan Pelantikan Jawatan

Objektif Strategik 1.3

Menambah baik Pembangunan Profesionalisme
Pegawai Secara Berterusan

POTENSI RISIKO **(Objektif Strategik 1.1)**

- Pembaziran wang kerajaan dalam proses pengurusan aset
- Pemalsuan dokumen dalam proses permohonan tuntutan
- Kebocoran maklumat dan dokumen terperingkat kerajaan

POTENSI RISIKO **(Objektif Strategik 1.2)**

- Penyalahgunaan kuasa dalam urusan penempatan dan kenaikan pangkat
- Ketidakadilan dalam proses pemberian pengiktirafan

POTENSI RISIKO **(Objektif Strategik 1.3)**

- Ketidakpatuhan pegawai terhadap waktu pejabat
- Pengeluaran pernyataan awam oleh pegawai tanpa kebenaran
- Ketidakecapan pegawai dalam melaksanakan tugas

INISIATIF
Objektif Strategik 1.1
Merekayasa Perkhidmatan ke Arah Tadbir Urus Baik

Bil	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
1	Mempertingkatkan mekanisme pemantauan dalam pengurusan aset dengan memastikan semua peraturan dan arahan berkaitan pengurusan aset dan stor dipatuhi bagi memastikan pengurusan aset yang sistematik, menyeluruh dan bersepadu	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	2021 - 2025
2	Melaksanakan program latihan pengurusan aset kerajaan kepada pegawai pemeriksa setiap tahun	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	2021-2025
3	Mewajibkan pelaksanaan mekanisme semak dan imbang secara konsisten bagi mengesan kemungkinan berlaku aktiviti pemalsuan dokumen berhubung apa-apa urusan	Semua Seksyen	2021-2025
4	Mewajibkan tindakan punitif dan tatatertib kepada pelaku dan pegawai penyelia yang gagal mematuhi peraturan yang sedang berkuatkuasa	Semua Seksyen	2021-2025
5	Melaksanakan aku janji kerahsiaan berkenaan pengendalian maklumat terperingkat untuk pegawai berstatus tetap dan kontrak	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	2021-2025

INISIATIF Objektif Strategik 1.1 Merekayasa Perkhidmatan ke Arah Tadbir Urus Baik

Bil	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
6	Mewajibkan pegawai berstatus tetap dan kontrak untuk membaca dan memahami Ikrar Bebas Rasuah sebelum memulakan perkhidmatan	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	2021 - 2025
7	Melaksanakan program latihan kesedaran pengurusan dan pengendalian dokumen terperingkat	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	2021-2025
8	Meningkatkan kefahaman dan penghayatan pegawai terhadap kepatuhan Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (DKICT)	Seksyen Pengurusan Maklumat	2021-2025
9	Memantapkan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan pematuhan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	Seksyen Pengurusan Maklumat	2021-2025
10	Menambah baik aliran proses kerja dalam Sistem Insolvensi Bersepadu (INSIST) dengan memasukkan elemen pemantauan	Seksyen Pengurusan Maklumat	2021-2025

INISIATIF
Objektif Strategik 1.2
Menggalakkan Merit dan Integriti dalam Proses
Pengambilan, Pemilihan dan Pelantikan Jawatan

Bil	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
1	Membangunkan Sistem Permohonan Pertukaran Penolong Pegawai Undang-Undang agar urusan permohonan mengikut penggiliran	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	2021 - 2025
2	Memastikan pelaksanaan pusingan kerja secara mandatori khususnya kepada pegawai yang memegang jawatan sensitif dan berisiko	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	2021-2025
3	Menambah baik kriteria pemberian pengiktirafan dan penghargaan kepada pegawai	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	2021-2025

INISIATIF
Objektif Strategik 1.3
Menambah baik Pembangunan Profesionalisme Pegawai
Secara Berterusan

Bil	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
1	Mengenal pasti pegawai bermasalah dan melaporkan kepada Pengarah Seksyen untuk tindakan awal seperti sesi konsultasi dan kaunseling	Semua Seksyen Seksyen Pengurusan Sumber Manusia Unit Integriti	2021 - 2025
2	Memantau laporan kehadiran pegawai secara berkala oleh pegawai penyelia di setiap peringkat	Semua Seksyen	2021-2025
3	Mewajibkan tindakan punitif dan tatatertib kepada pelaku dan penyelia yang gagal mematuhi peraturan yang sedang berkuatkuasa	Semua Seksyen	2021-2025
4	Mengeluarkan peringatan secara berkala berkaitan peraturan pernyataan awam	Unit Integriti	2021-2025
5	Mempergiat penganjuran program pembudayaan integriti dan antirasuah	Unit Integriti	2021-2025

INISIATIF
Objektif Strategik 1.3
Menambah baik Pembangunan Profesionalisme Pegawai
Secara Berterusan

Bil	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
6	Melaksanakan program pembangunan profesionalisme pegawai secara berterusan melibatkan aspek generik dan fungsional	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	2021 - 2025
7	Memberi pengiktirafan dan pemberian anugerah kepada pegawai yang menunjukkan peningkatan prestasi	Semua Seksyen	2021-2025

BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN AWAM

STRATEGI 2 **Mempertingkat Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam**

Objektif Strategik 2.1

Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam, Pengurangan Risiko Rasuah dan Penyelewengan Pasaran

POTENSI RISIKO **(Objektif Strategik 2.1)**

- Kebocoran maklumat sebut harga atau tender bagi perolehan perkhidmatan atau bekalan
- Manipulasi dan penyelewengan dalam pengurusan perolehan
- Pemilihan dan pelantikan syarikat pembekal yang tidak kompeten dan tidak memenuhi syarat
- Pakatan antara pembekal dan penjawat awam dalam urusan perolehan

INISIATIF
Objektif Strategik 2.1
Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam, Pengurangan Risiko Rasuah dan Penyelewengan Pasaran

Bil	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
1	Mempraktikkan amalan <i>Integrity Pact</i> dalam pengendalian dan kawalan maklumat rahsia semasa proses perolehan	Seksyen Kewangan	2021 - 2025
2	Mewajibkan latihan pengurusan dokumen terperingkat kepada pegawai yang mengendalikan urusan perolehan	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	2021-2025
3	Mengeluarkan peringatan berkala berkaitan kesalahan membocorkan maklumat dan dokumen terperingkat	Unit Integriti	2021-2025
4	Mewajibkan penglibatan pegawai yang terlibat dalam urusan perolehan untuk menghadiri latihan kemahiran berkaitan penggunaan sistem dan prosedur e-perolehan	Seksyen Kewangan	2021-2025
5	Memantau kedudukan kewangan pegawai yang terlibat dalam urusan perolehan secara terperinci	Seksyen Kewangan	2021-2025

INISIATIF
Objektif Strategik 2.1
Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam, Pengurangan
Risiko Rasuah dan Penyelewengan Pasaran

Bil	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
6	Mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Kenderaan bagi pemilihan perkhidmatan penyenggaraan kenderaan	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	2021 - 2025
7	Menubuhkan Jawatankuasa Perolehan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	Seksyen Pengurusan Maklumat	2021-2025
8	Memastikan proses perolehan dilaksanakan mengikut tatacara ditetapkan berpanduan kepada Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuat kuasa	Seksyen Kewangan	2021-2025
9	Mewajibkan pelaksanaan mekanisme semak dan imbang secara konsisten dalam pengurusan perolehan dan kewangan	Seksyen Kewangan	2021-2025
10	Melaksanakan pusingan pegawai yang menganggotai Jawatankuasa Pembuka dan Penilaian Tender atau Sebut Harga	Seksyen Kewangan Semua Seksyen	2021-2025

BIDANG KEUTAMAAN: PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH

STRATEGI 3

Mempertingkat Kecekapan dalam Urusan Pemerbadanan Pemegang Amanah

Objektif Strategik 3.1

Meningkatkan Kecekapan Pelaksanaan Proses Kerja Melalui Profesionalisme dan Penggunaan Teknologi

Objektif Strategik 3.2

Menambah baik Perundangan Pemerbadanan Pemegang Amanah

POTENSI RISIKO **(Objektif Strategik 3.1)**

- Kegagalan pematuhan prosedur permohonan Pemerbadanan Pemegang Amanah
- Pakatan rasuah untuk tidak membubarkan Pemerbadanan Pemegang Amanah yang telah melanggar Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]

POTENSI RISIKO **(Objektif Strategik 3.2)**

- Peruntukan undang-undang (Akta 258) yang lapuk dan menjurus kepada kelemahan penguatkuasaan

INISIATIF
Objektif Strategik 3.1
Meningkatkan Kecekapan Pelaksanaan Proses Kerja
Melalui Profesionalisme dan Penggunaan Teknologi

Bil	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
1	Membangunkan sistem permohonan pemerbadanan secara atas talian	Seksyen Dasar dan Penyelidikan	2021 - 2025
2	Mewujudkan sistem perkongsian maklumat dengan agensi terlibat	Seksyen Dasar dan Penyelidikan	2021-2025
3	Mengadakan sesi perbincangan bersama-sama ahli Mesyuarat <i>Sub-Committee on Non Profit Organization</i> (SCONPO), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Labuan Financial Service Authority (LFSA) dan pihak lain yang berkepentingan	Seksyen Dasar dan Penyelidikan	2021-2025
4	Meningkatkan keupayaan pegawai melalui program latihan dalam bidang pengauditan dan pengurusan kewangan	Seksyen Kewangan Seksyen Dasar dan Penyelidikan	2021-2025

INISIATIF
Objektif Strategik 3.2
Menambah Baik Perundangan Pemerbadanan Pemegang Amanah

Bil	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
1	Melaksanakan semakan semula dan penambahbaikan terhadap Akta 258 supaya menepati keperluan perundangan semasa terutamanya berkaitan aspek pemerhatian, pengawasan, penalti dan kesalahan pemerbadanan	Seksyen Dasar dan Penyelidikan Pejabat Penasihat Undang-Undang	2021 - 2025

BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS BERINTEGRITI TINGGI

STRATEGI 4 **Memupuk Tadbir Urus Terbaik dan Berintegriti Tinggi**

Objektif Strategik 4.1

Menambah baik Pelaksanaan Prosedur Operasi Standard dan Tatacara Kerja

POTENSI RISIKO **(Objektif Strategik 4.1)**

- Kelemahan proses pemilihan tapak cadangan bagi pembangunan mahkamah baharu
- Pakatan rasuah antara ahli keluarga atau wakil banduan untuk mempercepat proses permohonan bagi Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan
- Kelemahan terhadap kandungan maklumat yang dipaparkan di portal dan laman media sosial rasmi serta kenyataan media yang dikeluarkan oleh BHEUU, JPM

INISIATIF
Objektif Strategik 4.1
Menambah baik Pelaksanaan Prosedur Operasi Standard dan Tatacara Kerja

Bil	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
1	Mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan proses pemilihan tapak cadangan dan perolehan tanah projek	Seksyen Pembangunan	2021 - 2025
2	Memperkemas terma rujukan Jawatankuasa Pembangunan BHEUU, JPM dengan memasukkan peranan membuat keputusan berkaitan pemilihan tapak cadangan dan perolehan tanah projek	Seksyen Pembangunan	2021-2025
3	Meningkatkan pengetahuan mengenai aspek pemilihan tapak cadangan dan perolehan tanah dalam kalangan pegawai di Seksyen Pembangunan	Seksyen Pembangunan	2021-2025
4	Memperkukuh tatacara kerja dan senarai semak proses permohonan pengampunan berdasarkan kepada peraturan yang berkuatkuasa dan penyelarasan bersama urus setia Lembaga Pengampunan Negeri	Seksyen Dasar dan Penyelidikan	2021-2025

INISIATIF
Objektif Strategik 4.1
Menambah baik Pelaksanaan Prosedur Operasi Standard
dan Tatacara Kerja

Bil	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
5	Melaksanakan pusingan kerja melibatkan pegawai yang memegang jawatan sensitif dan berisiko	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia Seksyen Dasar dan Penyelidikan	2021-2025
6	Mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan tatacara pengurusan maklumat portal dan laman media sosial rasmi serta kenyataan media yang dikeluarkan oleh BHEUU, JPM	Unit Komunikasi Korporat	2021 - 2025

TADBIR URUS
PELAN
ANTIRASUAH
BHEUU, JPM

PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH BHEUU, JPM

BHEUU, JPM komited dalam menjunjung integriti dan menguruskan permasalahan rasuah secara berkesan berpandukan kepada prinsip-prinsip berikut:

- mempraktik dan menghayati falsafah integriti dan nilai-nilai etika di tahap tertinggi
- Mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan antirasuah yang berkuatkuasa
- Menguruskan risiko rasuah organisasi secara berkesan
- Melaksanakan penilaian risiko rasuah secara berkala
- Mewujudkan langkah pelaksanaan inisiatif yang bersesuaian bagi menangani risiko rasuah
- Mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif kepada Pengurusan Tertinggi
- Melaksanakan penilaian terhadap kecekapan dan keberkesanan program BHEUU, JPM secara berkala

MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Pelan Antirasuah BHEUU, JPM ini hanya dapat dijayakan dengan kerjasama erat secara menyeluruh warganya melalui usaha secara berkesan terhadap setiap inisiatif yang telah digariskan. Bagi memastikan semua inisiatif berkenaan dapat dilaksanakan secara cekap dan berkesan, maka komponen-komponen berikut akan dijadikan teras terhadap mekanisme pemantauan Pelan Antirasuah BHEUU, JPM.

JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) BHEUU, JPM


- Menetapkan keputusan dan dasar berhubung isu integriti dan antirasuah
- Menerima dan membincangkan Laporan Prestasi Pelan Antirasuah
- Mencadangkan penyelesaian konkrit untuk potensi risiko dan inisiatif Pelan Antirasuah

UNIT INTEGRITI, BHEUU, JPM (URUS SETIA)

- Menyelaraskan pelaporan dan status pelaksanaan inisiatif Pelan Antirasuah di Mesyuarat JAR BHEUU, JPM
- Menyelaraskan maklumat dan perkembangan terkini berhubung pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Kebangsaan (NACP) bagi memastikan Pelan Antirasuah BHEUU, JPM sentiasa berada di jajaran ditetapkan kerajaan

PENERAJU DI PERINGKAT SEKSYEN/UNIT

- Mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif secara berkala (suku tahun) kepada Unit Integriti, BHEUU, JPM untuk dibentangkan semasa Mesyuarat JAR BHEUU, JPM



KESIMPULAN

Cita-cita untuk menjadikan Malaysia negara berintegriti tinggi dan bebas rasuah memerlukan kesepakatan setiap peringkat masyarakat. Dalam hal ini, BHEUU, JPM sebagai salah sebuah organisasi awam sentiasa komited menjayakan cita-cita ini. Pembangunan Pelan Antirasuah BHEUU, JPM adalah lambang komitmen jitu Bahagian ini dalam mendukung aspirasi integriti dan antirasuah kerajaan.

Pelan Antirasuah BHEUU, JPM ini telah menggariskan 41 inisiatif yang akan dilaksanakan oleh semua Seksyen dan Unit di Bahagian ini. Semua inisiatif ini akan melalui mekanisme pelaksanaan dan pemantauan yang berstruktur bagi memastikan setiap inisiatif yang disenaraikan dapat memberikan impak positif terhadap usaha pemantapan integriti dan komitmen antirasuah dalam kalangan warga BHEUU, JPM. Pelan ini juga akan sentiasa dinilai dan dikemas kini berpaksikan perubahan serta keperluan semasa untuk memastikan ia kekal relevan dalam mendepani cabaran tadbir urus masa hadapan.

Setiap warga kerja BHEUU, JPM beriltizam menjadikan Pelan Antirasuah ini sebagai landasan penting bagi menyemarakkan budaya integriti di Bahagian ini. Sehubungan itu, BHEUU, JPM akan berusaha sedaya-upaya memastikan semua urusan dan perkhidmatan yang dilaksanakan dapat direalisasikan sebaik mungkin berasaskan kepada prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban.

Melalui komitmen yang diikrarkan ini, BHEUU, JPM akan memastikan visi untuk melahirkan warga yang berintegriti tinggi dapat dijemakan sebaik mungkin dan seterusnya membentuk momentum kukuh ke arah organisasi berwibawa dengan warga kerja bebas rasuah dan salah laku.



BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JABATAN PERDANA MENTERI